



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA
TINGKAT 1, LALU PEDAGANG
KOMPLEKS KERTY RAYA MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50560 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



NY 6 DIPERIKU

KEMALAM

SEKUTASAH

Ruj.Kami: BEM/ADM/46

Tarikh: 18 Februari 2015

PROF. DR. ZAIDATUN TASIR
Dekan Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai, Johor.

Puan,

**PELAWAAN PENAJAAN ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK
GRADUAN PSCASISWAZAH MAJLIS KONVOKESYEN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Dengan hormatnya dirujuk surat puan bilangan UTM.J. 10.01/21.15/1 Jld. 5 (102) bertarikh 29.1.2015 mengenai perkara di atas.

2. Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) mengambil maklum penajaan "Anugerah Kecemerlangan Akademik Lembaga Jurutera Malaysia" sebanyak RM10,000.00 bagi tempoh 5 tahun (2010 – 2014) kepada pelajar kejuruteraan UTM yang cemerlang telah selesai.

3. Sehubungan dengan itu LJM telah menimbangkan semula penajaan anugerah ini dan meluluskan peruntukan sebanyak **RM10,000.00 (Ringgit Malaysia sepuluh ribu sahaja) bagi tempoh 5 tahun (2015 – 2019)** untuk "Anugerah Kecemerlangan Akademik Lembaga Jurutera Malaysia" sebagai pengiktirafan kepada seorang pelajar setiap tahun dalam bidang kejuruteraan yang memperolehi pencapaian akademik dan kokurikulum yang cemerlang di Universiti Teknologi Malaysia bersempena Majlis Konvokesyen UTM.

4. Bayaran akan dihantar apabila siap nanti. LJM berharap agar sumbangan ini dapat memberi dorongan dan semangat kepada para pelajar dan graduan kejuruteraan untuk lebih cemerlang dalam pembelajaran dan karier mereka.

Sekian dimaklumkan.

Yang benar.


(Ir. RUSLAN BIN ABDUL AZIZ)
Setiausaha
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA



Kertas Kerja Bil. /2014/2015

Kelulusan	✓
Makluman	

**CADANGAN 'ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK LEMBAGA
JURUTERA MALAYSIA' DI SENARAI SEBAGAI HADIAH AKADEMIK
GRADUAN PASCA SISWAZAH
MULAI MAJLIS KONVOKESYEN UTM KE 55**

	Disediakan oleh :	Disemak dan diperakukan oleh :	Disahkan oleh:
Tandatangan			
Nama	Asram bin Sulaiman @ Saim Timbalan Pendaftar Sekolah Pengajian Siswazah	Prof. Dr. Zaidatun Binti Tasir Dekan Sekolah Pengajian Siswazah	Prof. Dr. Rose Alinda Binti Alias Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Tarikh	Julai 2015	Julai 2015	Julai 2015

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN
JAWATANKUASA TETAP SENAT (PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN)

CADANGAN ‘ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK LEMBAGA
JURUTERA MALAYSIA’ DI SENARAI SEBAGAI HADIAH AKADEMIK
GRADUAN PASCA SISWAZAH
MULAI MAJLIS KONVOKESYEN UTM KE 55

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini ialah untuk mendapatkan perakuan dan kelulusan Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan) mengenai Cadangan Menyenaraikan **‘ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA’** sebagai Hadiah Akademik untuk graduan pasca ijazah mulai Majlis Konvokesyen UTM ke 55.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Di setiap Majlis Konvokesyen, Universiti akan memilih pelajar yang cemerlang sebagai Penerima Hadiah Akademik. Hadiah Akademik bagi Siswazah Doktor Falsafah dan Sarjana akan diberikan mengikut kategori seperti berikut :

- a. Anugerah Canselor**
- b. Anugerah Pro-Canselor**
- c. Anugerah Alumni**

2.2 Pada masa ini, anugerah kecemerlangan akademik yang telah disumbangkan daripada pihak luar untuk graduan pasca siswazah UTM adalah daripada MIMOS Berhad

bermula pada tahun 2012 dan Hadiah Buku MTDC bermula pada tahun 2014.

2.3 Pada tahun 2015 ini, Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) telah menerima tawaran daripada Lembaga Jurutera Malaysia untuk memberi anugerah kepada **graduan pasca ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah warganegara Malaysia** dari bidang kejuruteraan yang cemerlang dalam pencapaian akademik dan kokurikulumnya. Anugerah ini akan diberikan kepada graduan sempena majlis konvokesyen university mulai Majlis Konvokesyen ke 55. *(Surat daripada Lembaga Jurutera Malaysia beserta syarat penganugerahan bertarikh 18 Februari 2015 sebagaimana di lampirkan).*

2.4 Penerima anugerah ini akan menerima hadiah berbentuk :

- i. Wang tunai berjumlah RM1,000.00 (2 Penerima setiap Sesi Konvokesyen Utama)**

2.5 Untuk tujuan ini, Lembaga Kejuruteraan Malaysia akan memberikan peruntukan berjumlah RM10,000.00 kepada UTM bagi tempoh 5 tahun (2015-2019).

2.6 Kertas kerja ini dikemukakan untuk diperakukan oleh Mesyurat JK Penilai Hadiah Akademik sebelum di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Peperiksaan dan Pengijazahan) UTM.

3.0 CADANGAN PROSES PERLAKSANAAN PEMILIHAN CALON

- 3.1 Berdasarkan syarat serta kriteria yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia adalah dicadangkan anugerah ini diberi kepada calon pelajar Sarjana atau Doktor Falsafah dalam Program Kejuruteraan yang telah memperolehi pencapaian akademik dan kokurikulum yang cemerlang di UTM.
- 3.2 Pemilihan awal calon akan dijalankan oleh pihak SPS berpandukan kepada Garis Panduan Pencalonan Pemenang Hadiah Akademik untuk Graduan Pasca Ijazah yang telah diluluskan oleh Senat. Proses dan carta alir pelaksanaan pemilihan calon Anugerah ‘Kecemerlangan Akademik Lembaga Jurutera Malaysia’ adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.3 Adalah dicadangkan penganugerahan akan dikemukakan kepada pihak Lembaga Jurutera Malaysia bermula dengan graduan bagi Majlis Konvoksyen ke 55 yang dijadualkan akan berlangsung pada bulan Oktober 2015.

4.0 KEPUTUSAN

Senat UTM adalah dengan hormatnya dipohon untuk mempertimbangkan dan meluluskan Cadangan Menyenaraikan Anugerah ‘Kecemerlangan Akademik Lembaga Jurutera Malaysia’ sebagai Hadiah Akademik untuk graduan pasca siswazah bagi Majlis Konvokesyen UTM berdasarkan perkara 2.0 dan 3.0 di atas.

**PROSES PERLAKSANAAN PEMILIHAN CALON
ANUGERAH AKADEMIK PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH UTM**

PROSES	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
1	SPS mengenalpasti calon pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah tempatan dari bidang yang telah ditetapkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia; pelajar yang telah menjalani viva dan dalam proses pembetulan tesis dan yang memenuhi kriteria prasyarat (tempoh pengajian/keputusan pengajian-B1 @ B2 (Pembetulan siap dalam masa 1 bulan)).	Bahagian Penyelidikan dan Biasiswa, SPS
2	Senarai calon yang memenuhi kriteria akan diserahkan ke Fakulti bagi tujuan pemilihan.	SPS dan Fakulti
3	Fakulti menghubungi calon yang memenuhi syarat yang ditetapkan dan meminta mereka mengisi borang pencalonan beserta CV dan bahan bukti mengikut format yang telah ditetapkan.	Fakulti

PROSES	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
4	Fakulti menyemak kesahihan bahan bukti dan maklumat berdasarkan kriteria wajaran dan pemarkahan.	Fakulti
5	Mesyuarat JKA di peringkat fakulti dan pengerusi (Dekan Fakulti) mengesahkan pencalonan.	Fakulti
6	Fakulti mengemukakan pencalonan yang telah disahkan ke SPS.	Fakulti
7	Mesyurat JK Penilai Hadiah Akademik akan diadakan di SPS yang dianggotai oleh: • 3 orang wakil Senat, • Dekan SPS, • Pengarah Alumni, • Timbalan Pengarah ISC, • Semua Timbalan Dekan Pengajian Siswazah Fakulti • Semua Timbalan Dekan SPS • Wakil MTDC • dan urusetia SPS	SPS

8	SPS membentangkan cadangan calon dalam Mesyuarat JKTS.	SPS
9	SPS membentangkan perakuan pencalonan dalam Mesyuarat Senat.	SPS
10	SPS akan menghantar calon yang diperakukan oleh JK Penilai dan diluluskan oleh Senat kepada pihak Lembaga Jurutera Malaysia yang disahkan graduan	SPS
11	Majlis Konvokesyen ke 55 UTM Oktober 2015	SPS & AMD